NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#11

7 Mac 2024 – 13 Mac 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

ISI KANDUNGAN

Jemaah Menteri Tegur Ahli Parlimen 2

Laporan Ketua Audit Negara Galak Integriti 4

Pendidikan Vernakular Punca Masalah Perpaduan 7

Cadangan Jual Arak Guna Mesin Layan Diri 10

Pengecas EV Tidak Mencukupi 12

Pindaan Hak Warganegara Lahir Luar Negara 14

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Jemaah Menteri Tegur Ahli Parlimen

- Selepas dua kejadian yang menunjukkan kerajaan mengawal media, timbul isu baru berkenaan cubaan **campur tangan kerajaan** di Parlimen.
- Dalam satu kenyataan pada 8 Mac 2024, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil selaku jurucakap kerajaan memaklumkan bahawa Jemaah Menteri akan berhubung dengan Pejabat Speaker Dewan Rakyat bagi membincangkan mengenai kenyataan Ahli Parlimen yang didakwa tidak benar.
- Ia rentetan daripada beberapa siri kenyataan Ahli Parlimen yang dikatakan dakwaan tidak benar dibuat ketika sesi Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat bagi mesyuarat pertama penggal ketiga kali ini.
- Menteri Komunikasi itu berkata, Jemaah Menteri telah menyuarakan teguran secara tegas terhadap perbuatan berkenaan. Di pihak kerajaan, beliau memaklumkan bahawa **kabinet akan berhubung** dengan pejabat Tan Sri Speaker untuk pastikan ia tidak berulang.
- Kenyataan Fahmi Fadzil kemudiannya disanggah oleh Ahli Parlimen Gelugor En Ramkarpal, rakan beliau daripada Pakatan Harapan. Kenyataan YB Menteri itu menurut MP Gelugor membayangkan bahawa kerajaan mempunyai peranan dalam perjalanan Parlimen.
- Tindakan kerajaan itu merupakan tindakan yang tidak sihat untuk demokrasi kerana **Parlimen adalah bebas** dan mempunyai kuasa untuk mengawal selia prosedurnya sendiri.
- Sanggahan yang sama dibuat oleh bekas ahli dan pendukung PKR, Encik N Surendran yang mengatakan "langkah luar biasa" kerajaan, boleh melanggar keistimewaan Parlimen dan melakukan penghinaan terhadap Dewan.

- Isu berkenaan kenyataan Ahli Parlimen ini tidak boleh diklasifikasikan seperti berita palsu kerana secara amnya, Ahli Dewan Rakyat mendapat imuniti terhadap perkara yang dibuat dan juga perbahasan di dalam sesi Parlimen. Imuniti Ahli Parlimen semasa perbahasan sebenarnya dilindungi di bawah perkara 63 Perlembagaan Persekutuan, namun ia tidak terpakai bagi Akta Hasutan 1948.

- Namun Ahli Parlimen masih tertakluk kepada peraturan Mesyuarat, 36 (12). Semua Ahli Parlimen akan bertanggungjawab terhadap apa yang diucapkannya dan dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan jika ia mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan dewan (dan juga memfitnah).

- Namun selepas dikecam dan mendapat bantahan keras, YB Fahmi Fadzil **menafikan** kerajaan bercadang untuk memberi arahan kepada Pejabat Speaker Dewan Rakyat. Menteri cuba membetulkan kenyataan beliau sebelum ini dengan menjelaskan bahawa yang dimaksudkan beliau ialah pertemuan biasa dengan Speaker Dewan Rakyat mengenai perkara yang berkehendakkan perhatian Speaker.

- Apa pun alasan dan penafian, hakikatnya kenyataan ini masih tidak dapat memadamkan kerisauan rakyat terhadap tindakan kerajaan yang cuba **mengawal media dan kebebasan bersuara**.

- Jika dahulu PMX sangat bersungguh memperjuangkan hak kebebasan bersuara, namun tindakan mutakhir oleh kerajaan menguatkan lagi keyakinan rakyat bahawa kerajaan pada hari ini cakap tidak serupa bikin.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/653502/berita/nasional/kenyataan-tidak-benar-di-dewan-rakyat-jemaah-menteri-tegur-ahli-parlimen
- https://permadumalaysia.blogspot.com/2024/03/ini-dah-melampau-seolah-perguna.html
- https://www.malaysiakini.com/news/698898


Laporan Ketua Audit Negara Galak Integriti

- Baru-baru ini, **Jabatan Audit Negara** (JAN) telah mengemukakan 16 syor tambah baik kepada agensi-agensi Persekutuan di bawah Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022 yang agak mengejutkan pelbagai pihak. Ini melibatkan beberapa agensi utama seperti LTAT, FELDA dan PR1MA.
- Maklum balas daripada syor-syor kepada **FELDA**, kerajaan telah memberi RM1 bilion kepada FELDA untuk memulihkan kewangan dalam masa 7 tahun.
- Dalam masa yang sama FELDA perlu menetapkan hala tuju yang jelas bagi mengurangkan kebergantungan kewangan daripada Persekutuan dan memperkukuh aspek pemantauan terhadap operasi syarikat dan prestasi kewangan syarikat subsidiari supaya tidak lagi bergantung kepada syarikat induk dan memberikan pulangan yang baik kepada FELDA.
- Bagi **PR1MA** pula, audit mendapati PR1MA dijangka sukar membuat bayaran balik Sukuk Tranche 2 berjumlah RM1.750 bilion sekiranya unjuran hasil jualan rumah dan komersial gagal dicapai. PR1MA kemudiannya telah memohon penangguhan bayaran balik prinsipal sukuk dengan jaminan Kerajaan berjumlah RM1 bilion.
- Walau bagaimanapun, PR1MA perlu menilai semula strategi pembangunan projek dan unjuran aliran tunai bagi memastikan objektif PR1MA sebagai perancang, penyedia perumahan berkualiti tinggi kepada penduduk berpendapatan sederhana dapat dicapai.
- **LTAT** pula dilaporkan tidak membuat penjejasan nilai pelaburan apabila terdapat petunjuk berlakunya penurunan nilai aset yang berterusan yang menyebabkan untung bersih dan pelaburan dalam syarikat subsidiari terlebih nyata berjumlah RM0.812 bilion. Selain itu masih terdapat 41 portfolio saham lama belum diambil tindakan dengan kerugian tidak nyata berjumlah RM0.662

bilion yang menyumbang kepada rizab berbaki negatif. Oleh itu, LTAT dijangka berdepan dengan risiko kecairan tunai akibat kegagalan membuat penjejasan nilai pelaburan dan pembayaran dividen kepada pencarum berasaskan keuntungan bukan tunai.

- Justeru, LTAT disyor untuk menstruktur semula strategi pelaburan dengan mempelbagaikan pelaburan, mempertingkatkan tatakelola pengurusan pelaburan dan memastikan asas pengisytiharan dividen berdasarkan keuntungan nyata. Kini, LTAT sedang melaksanakan semakan ke atas rangka kerja Strategic Asset Allocation (SAA) bagi memastikan rangka kerja tersebut bersesuaian dengan keadaan pasaran semasa dan hala tuju pelaburan sedia ada. Selain itu, LTAT juga telah mendapat kelulusan daripada Panel Pelaburan dan Lembaga berkenaan dengan Cut Loss Policy.
- Secara asasnya, LKAN ini **menganalisis penyata dan prestasi kewangan** Agensi Persekutuan terhadap lima perkara, iaitu Lebihan atau Kurangan Semasa, Aset dan Liabiliti, Geran Kerajaan Persekutuan, Pinjaman serta Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari.
- Manakala sebelum ini, JAN telah menerbitkan laporan audit kementerian, agensi dan syarikat di peringkat Persekutuan dan negeri dengan pelbagai syor.
- Bagi memantau pematuhan kewangan kerajaan, **pendekatan 3P1K** digunakan dengan mengenal pasti elemen Pembaziran, Pemborosan, Penyelewengan dan Ketirisan Wang Awam yang berlaku dalam pelbagai agensi dan syarikat. Rajah di bawah adalah rumusan 3P1K berdasarkan LKAN tahunan. Terdapat penurunan yang signifikan sejak tahun 2018 sehingga 2022.
- Perubahan signifikan dapat dilihat daripada **rekod tertinggi tahun 2017** dengan 420 isu kepada hanya 7 isu sahaja pada tahun 2022. Ini memperlihatkan komitmen kerajaan yang tinggi bagi memastikan urus tadbir yang baik dapat direalisasikan dalam pentadbiran sesebuah kerajaan.

- Melalui laporan-laporan ini, kita dapat melihat sejauh mana urus tadbir yang baik mampu dan berjaya dilaksanakan di semua peringkat. Semua pihak hendaklah berusaha mematuhi ketetapan yang telah disenaraikan, ini bagi memastikan urus tadbir dan integriti yang dicanangkan benar-benar dilaksanakan dan dilihat terlaksana.



	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Pemborosan	1	0	3	5	0	0	1	0	0
Pembaziran	9	14	38	30	3	4	3	3	1
Pembayaran Tidak Teratur	28	51	103	175	38	15	8	4	0
Kehilangan/Kerugian Wang Awam	12	28	94	210	22	26	11	3	6

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/653010/berita/nasional/lkan-16-syor-tambah-baik-pengurusan-kewangan-agensi-persekutuan
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220181/lkan-2022-pr1ma-rugi-bersih-rm257-juta-liabiliti-rm5746-bilion

Pendidikan Vernakular Punca Masalah Perpaduan

- Baru-baru ini tular kenyataan Profesor Emeritus Datuk Dr Teo Kok Seong, Felo Kanan Majlis Professor Negara (MPN) bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) menjadi punca masalah **perpecahan kaum** di negara ini.
- Menerusi video TikTok yang disiarkan Merdeka Times itu, **Kok Seong** mendakwa sekolah vernakular menjadi penghalang kepada perpaduan negara. Tambah beliau, 95 peratus anak-anak Cina dihantar ke sekolah vernakular Cina dan enggan berintegrasi dengan kaum Melayu yang merupakan kaum majoriti di negara ini.



- Kok Seong juga mendakwa ancaman utama terhadap keharmonian negara ialah keengganan orang bukan Melayu, khususnya kaum Cina, untuk berintegrasi kerana memandang rendah kepada orang Melayu. Perkara ini boleh dilihat dan dibuktikan melalui komen-komen kaum Cina di media sosial yang kebanyakannya merendahkan orang Melayu.
- Kenyataan itu kemudiannya telah mengundang kemarahan serta kecaman terutama para pemimpin-pemimpin kanan DAP yang menganggap ia adalah

kenyataan rasis dan sengaja dibuat untuk memutar belit fakta selain menyimpang daripada realiti sebenar.

- Pada 4 Mac lalu, Ahli Parlimen Seputeh, yang juga Naib Pengerusi DAP, Teresa Kok semasa berbahas di Parlimen telah membuat gesaan keras agar dakwaan bekas Felo Kanan Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu segera **disiasat oleh pihak polis** kerana bersifat melaga-lagakan hubungan di antara masyarakat Melayu dan masyarakat Cina di negara ini.
- Tegas Teresa, beliau dan ramai Ahli Parlimen turut belajar di sekolah Cina, namun mereka tidak pernah diajar untuk memandang rendah orang Melayu. Kenyataan itu dibalas oleh Kok Seong yang mendakwa Teresa berada dalam penafian akan realiti sebenar komuniti Cina di Malaysia.
- Isnin lalu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, mengesahkan bahawa pihak polis telah membuka kertas siasatan terhadap Felo Kanan, Majlis Profesor Negara (MPN) itu. Siasatan dibuat di bawah Seksyen 505 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- Susulan itu, ramai pihak termasuk tokoh-tokoh akademik negara merasakan tindakan sesetengah individu berkepentingan politik yang menggambarkan kenyataan Kok Seong sebagai hasutan adalah serangan langsung terhadap kebebasan akademik dan kebebasan bersuara yang dilindungi oleh Perlembagaan.
- Kok Seong sebelum ini pernah terlibat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Justeru, beliau mempunyai kredibiliti dan kelayakan untuk mengulas sebarang isu melibatkan permasalahan dan pembangunan pendidikan negara.
- Sekiranya ada pandangan ilmiah yang disampaikan beliau dilihat kurang tepat, seharusnya pihak yang merasakan begitu tampil mengemukakan fakta dan bukti baru bagi menepis dakwaan tersebut. Sikap menyelar, mengugut

ataupun menggunakan sebarang tindakan kekerasan adalah suatu yang tidak matang serta tempang kepada negara ini.

- Hakikatnya, dakwaan Kok Seong adalah satu kenyataan yang benar meskipun pahit untuk diterima oleh sesetengah pihak. Malahan, keberanian Kok Seong juga menunjukkan teladan bagi kita semua untuk berdiri teguh bersama Prinsip Asas Perlembagaan Negara Fasal 151, 152 dan 153 serta yang berkaitan dengan Prinsip Rukun Negara itu sendiri.
- Justeru, bagi memperkukuh perpaduan negara, semua pihak harus keluar daripada 'topi' politik dan kaum untuk melihat punca masalah yang sebenar. Sewajarnya, kenyataan Kok Seong ini dinilai secara positif dan membuka hati semua pihak untuk kembali melihat isu pendidikan vernakular ini dengan lebih serius terutama dari sudut impaknya kepada perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/698302
- https://www.sinarharian.com.my/article/654196/berita/nasional/kok-seong-belum-dipanggil-beri-keterangan-sedia-beri-kerjasama
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1222305/prof-teo-disiasat-berhubung-kenyataan-isu-sekolah-vernakular
- https://malaysiagazette.com/2024/03/11/kertas-siasatan-terhadap-kok-seong-baru-dibuka-saifuddin/

Cadangan Jual Arak Guna Mesin Layan Diri

- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) Zulkifli Hasan berkata **JAKIM** mengalu-alukan cadangan supaya kedai serbaneka menggunakan mesin layan diri (vending machine) untuk **menjual minuman beralkohol** supaya pekerja Islam tidak perlu mengendalikan produk berkenaan secara terus.
- Beliau menyatakan perkara tersebut ketika menjawab soalan Suhaizan Kaiat (PH-Pulai), yang ingin tahu jika kerajaan boleh memperkenalkan mekanisme baharu yang boleh membantu **mengelak pekerja Islam** daripada terlibat dalam transaksi perniagaan berkaitan minuman beralkohol.



- Selain menggerakkan kempen kesedaran, beliau memberitahu Dewan Rakyat bahawa JAKIM turut membantu pekerja Islam yang ingin keluar daripada industri yang menjual arak.
- Rata-rata netizen menyatakan kemarahan dan ketidakpuasan hati dengan jawapan yang diberikan berikutan mekanisme tersebut tidak menyelesaikan masalah.
- Kenyataan Timbalan Menteri dilihat tidak berhati-hati dan tidak merujuk pakar terlebih dahulu. Timbul persoalan siapakah yang akan memantau agama dan umur pembeli serta kadar pembelian.
- Penggunaan **mesin layan diri** dalam kedai juga memerlukan orang yang menggantikan tin minuman tersebut yang kebiasaannya juga juruwang kepada kedai tersebut. Penambahan pekerja semata-mata untuk urusan *refill* pastinya ditolak oleh industri.


- Selepas kenyataan itu, Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Kabin (NUFAM) turut menyatakan pendapat bahawa JAKIM perlu libatkan pekerja-pekerja penerbangan dalam isu pengendalian arak oleh pekerja Islam.
- Satu dasar baharu perlu dilakukan dalam mencari jalan bagaimana hendak mengeluarkan pekerja Islam daripada mengendalikan alkohol.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/698539
- https://malaysiagazette.com/2024/03/10/pengendalian-arak-jakim-perlu-libatkan-pekerja-kru-kabin-nufam/

Pengecas EV Tidak Mencukupi

- *Range anxiety*, atau **kebimbangan jarak** sering menjadi penghalang kepada pengguna kereta untuk menggunakan kereta elektrik sebagai kenderaan harian mereka. Jarak pemanduan dalam satu pengecasan oleh beberapa jenama EV terkemuka, antaranya:
    - Tesla Model 3: 576 km
    - Mercedes-Benz EQS: 563 km
    - BYD ATTO 3: 490 km
- Bagi konteks di Malaysia, negara kita menghadapi kekangan **kekurangan stesen pengecasan EV**. Sehingga 1 Januari 2024, jumlah kemudahan pengecas EV (EV charging bay - EVCB) yang telah disediakan adalah sebanyak 2,020 unit. Bilangan ini jauh daripada sasaran 10,000 unit pengecas EV menjelang tahun 2025, seperti digariskan di bawah Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030.
- Sehubungan itu, cadangan untuk **mengkaji semula sasaran** unit pengecas EV telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa EV Kebangsaan (NEVSC). Kerajaan juga akan memberi fokus kepada penyediaan kemudahan EVCB jenis arus terus (DC) yang mempunyai kelebihan tertentu berbanding jenis arus ulir (AC).



- Pengecas EV yang menggunakan jenis DC mampu mengecas kenderaan dengan lebih pantas berbanding jenis AC, namun memakan kos pemasangan yang tinggi.
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bersama-sama Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) dan Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) sedang memperhalusi kewajaran meningkatkan sasaran pengecas DC. Hasil kajian akan dibentangkan dalam Mesyuarat NEVSC pada suku kedua tahun 2024.
- Selain infrastruktur pengecasan, kerajaan juga memastikan **pengurusan EV terbengkalai** dan komponen automotif terpakai adalah teratur dan mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Hal ini dicapai menerusi pengenalan inisiatif Kemudahan Rawatan Automotif Berlesen (AATF).
- Usaha ini sangat penting agar ekosistem EV negara terbangun dalam satu kitaran yang lengkap, terkawal dan mengutamakan kelestarian alam. Cita-cita untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon menerusi kenderaan elektrik haruslah seiring dengan penggunaan bertanggungjawab menerusi aktiviti kitar semula dan pengurusan sisa.
- Jangan pula disebabkan kita mahu menyelesaikan masalah sekarang (perubahan iklim), secara sengaja atau tidak kita mencipta masalah lain pula (pencemaran alam sekitar).

RUJUKAN

- https://thesun.my/cerita/berita/kerajaan-beri-fokus-penyediaan-pengecas-ev-jenis-dc-tangani-range-anxiety-miti-LB12208113
- https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2024/01/1203836/miti-teliti-semula-sasaran-pasang-10000-stesen-pengecas-ev#
- Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030

Pindaan Hak Warganegara Lahir Luar Negara

- Pada 8 Mac 2024, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyatakan tekad untuk **meminda hak warganegera anak lahir luar negara** dalam ucapan sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024. Menurut beliau, pindaan itu akan membabitkan pentakrifan ibu bapa yang hanya merujuk kepada bapa sahaja.
- Setakat tahun lepas, sebanyak 688 **permohonan kewarganegaraan** bagi anak lahir di luar negara oleh ibu yang merupakan warganegara telah diterima melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- Bagi menyelesaikan perkara tersebut, pada Februari 2023 sebuah keputusan yang telah dibuat dalam mesyuarat Jemaah Menteri untuk meneliti dan bersetuju meminda Perlembagaan Persekutuan terhadap Bahagian I Seksyen 1(1)(d) dan Seksyen 1(1)(e) dan Bahagian II, seksyen 1(b) dan Seksyen 1(c) Jadual Kedua.
- Kementerian Dalam Negeri (KDN) berkata cadangan pindaan tersebut diterima dan perbentangan akan dibawa di Parlimen sewaktu Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas. Pada Disember lepas, **Jabatan Peguam Negara** sedang merangka draf cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan hak kewarganegaraan anak yang lahir di luar negara hasil perkahwinan wanita yang berwarganegera Malaysia dengan lelaki warga asing di luar negara.
- Sekiranya draf tersebut dibahaskan dalam sidang Parlimen, ia akan memasukkan perkataan ibu dengan tujuan membolehkan pemberian kewarganegaraan anak diperoleh secara kuat kuasa undang-undang. Mengulas perkara ini, Menteri Perpaduan juga telah menyatakan komitmen dan tekad untuk mengiktiraf kesamarataan wanita dan lelaki serta bagi mengurangkan **jurang diskriminasi antara jantina** di negara ini.

- Perbincangan berkaitan kewarganegaraan anak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing tidak diperdebatkan secara seluas dalam masyarakat Malaysia. Hal ini kerana masyarat tidak melihat perkara tersebut sebagai ancaman atau menimbulkan ketegangan antara kaum.
- Namun begitu, sekiranya ia tidak diperhalusi dengan teliti perkara ini akan memberi impak kepada **keselamatan dan kedaulatan negara**. Sekiranya tiada pemantauan yang jelas, pindaan ini akan membuka ruang kepada individu lain atau ayah kepada anak tersebut untuk memohon kewarganegaraan atau pemastautin tetap bagi tujuan peribadi, perniagaan dan mengakses kemudahan awam.
- Kedua, anak-anak yang memilik kewarganegaraan Malaysia atas dasar untuk mempertahankan kewarganegaraan asal ibu berkemungkinan untuk menghadapi **konflik kesetian kepada negara**. Konflik ini berlaku apabila anak tersebut membesar dan mempunyai sistem sosial yang kuat di luar negara. Kesannya, anak tersebut tidak mempunyai jati diri dan identiti sebagai rakyat Malaysia yang tidak bersungguh-sungguh untuk menghayati Rukun Negara dan mempertahankan kedaulatan negara.
- Keputusan ini secara tidak langsung akan mengurangkan reservasi negara bagi Konvesyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Convention on then Right of the Child - CRC) dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (Convention on the Elimination of all Forms of Discrimination Against Women - CEDAW) dalam membasmi diskriminasi antara jantina dan menjamin hak kanak-kanak untuk memelihara identiti keluarga.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1221245/pindaan-hak-kewarganegaraan-anak-lahir-luar-negara-dibentangkan-di

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1215197/kdn-bentang-cadangan-pindaan-perlembagaan-isu-kewarganegaraan-8-mac
- https://www.ohchr.org/sites/default/files/crc.pdf
- https://www.ohchr.org/Documents/ProfessionalInterest/cedaw.pdf



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

© **Hak Cipta Terpelihara**